

16 MAY 1998

TUANKU JA'AFAR UTUS UCAP TAHNIAH KEPADA RAJA NORWAY

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengutuskan ucap selamat dan tahniah kepada Raja Norway King Herald V sempena Hari Perlembagaan negara itu.

Menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan tahniah kepada rakan sejawatannya Kjell Magne Bondevik.

Katanya Malaysia dan Norway saling menikmati hubungan yang mesra dan erat.

"Saya gembira kerana kedua-dua kerajaan terus bekerjasama untuk memperluaskan lagi skop dan ikatan hubungan yang penting ini," kata Dr Mahathir.

Kenyataan itu berkata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan tahniah yang serupa kepada rakan sejawatannya Knut Vollebaek berkata Malaysia dan Norway boleh berpuas hati dengan hubungan dan persefahaman yang terus terjalin erat bagi manfaat rakyat kedua-dua negara.

-- BERNAMA

ES RHM RON